

Headline	Lancar aplikasi mudah alih pasar tani		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	05 Feb 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	71	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	241 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,075
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,225



ORANG ramai melihat model Pasar Tani Kekal Kampung Gajah pada Majlis Pecah Tanah Pasar Tani Kekal.

Lancar aplikasi mudah alih pasar tani

Kampung Gajah: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dijangka melancarkan aplikasi mudah alih pasar tani bulan depan bagi memudahkan pengguna mendapatkan maklumat mengenai pasar tani di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, aplikasi mudah alih itu nanti akan menjadi panduan kepada pengguna untuk mengetahui lokasi serta waktu operasi pasar tani di seluruh negara.

Katanya, ia bukan sahaja menyenaraikan lokasi pasar tani tetapi akan memudahkan pengguna untuk mengetahui harga semasa sekali gus dapat menyusun atur perbelanjaan mereka.

"Maklumat yang terdapat dalam aplikasi ini ialah lokasi 986 pasar tani di seluruh negara, maps (peta) untuk ke pasar tani, waktu operasi, gambar pasar tani dan harga semasa barang jualan di pasar berkenaan.

"Aplikasi ini juga akan memberi ruang kepada pengguna untuk memberikan komen kepada pasar tani dikunjungi dan ini membolehkan pengguna lain merujuk keistimewaan sesuatu pasar tani itu berdasarkan komen pengguna.

"Jadi, daripada komen itu kita akan memberikan ranking (kedudukan) kepada pasar tani dan akan mewujudkan anugerah di peringkat kebangsaan dan negeri berdasarkan kedudukan satu hingga 10," katanya selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Pasar Tani Kekal (PTK) Kampung Gajah di sini, semalam.



FAKTA
Maklumat dalam aplikasi lokasi 986 pasar tani di seluruh negara